

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU DI SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH KUANTAN, PAHANG

Mohd Anuar Bin Abdul Rahman & Zamiyah Binti Ali
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Pentaksiran Kerja Kursus KHB adalah salah satu bentuk format penilaian dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang menjadi teras untuk menjana modal insan yang cemerlang. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan. Responden kajian terdiri daripada 63 orang guru yang mengajar mata pelajaran KHB dan terlibat dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang dibina berdasarkan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB dan telah diuji dengan nilai realibiti 0.89. Analisis data dibuat menggunakan perisian SPSS versi 14.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan pengujian hipotesis melalui ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru KHB mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana tinggi serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Masalah yang dihadapi oleh guruguru KHB ialah tidak mempunyai masa mencukupi untuk menyelia dan membimbing pelajar serta menganggap proses melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB mengganggu tugas-tugas lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap antara jantina dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di peringkat PMR.

Abstract: The KHB Coursework Assessment is a form the School Based Assessment that has become a core to generate excellent individuals. The purpose of this descriptive research is to identify the level of knowledge, skills, attitude and the problems faced by the KHB teachers in implementing the KHB Coursework Assessment in secondary schools of rural area in Kuantan district. Respondent for this research consist of 63 KHB teachers are involved the KHB Coursework Assessment. The instrument of this research was a questionnaire, which was built based on the KHB Coursework Assessment Document, and was tested with a reliability value was 0.89. The data was analyzed by using SPSS application version 14.0 to obtain the frequency, percentage, mean, standard deviation and hypothesis testing through the t test. The finding of the research showed that KHB teachers have a high moderate the level of knowledge and skills and they have a positive attitude in implementing the KHB Coursework Assessment. The problems faced by teachers are haven't enough time in supervising and guiding students and assumed that implementing the KHB Coursework Assessment is disturbing their other work. The finding of the research also showed that there were no significant in level of knowledge, skills and attitude based on gender in implementing the KHB Coursework Assessment. Based on the finding of the research, several suggestions were given to improve the effectiveness of implementation the KHB Coursework Assessment at PMR level.

Katakunci: Pentaksiran Kerja Kursus KHB, Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Pengenalan

Dalam pengendalian Pentaksiran Kerja Kursus KHB, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menyediakan panduan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB yang berkaitan dengan tugas dan projek, aspek yang dinilai, sistem penilaian dan kriteria penilaian. Sementara pihak sekolah memberi

panduan kepada pelajar dalam melaksanakan kerja kursus, menyediakan kemudahan, peralatan dan bahan, membuat penilaian dan melaporkan gred pencapaian pelajar. Pentaksiran Kerja Kursus KHB dapat menilai kebolehan sebenar pelajar dalam pencapaian kemahiran praktis secara lebih sah berbanding ujian bertulis kerana penilaian dilakukan sendiri oleh guru mata pelajaran melalui pemerhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyataan Masalah

Sistem PBS bukanlah perkara baru bagi warga pendidik, pendekatan ini telah pun diamalkan secara berperingkat-peringkat oleh sekolah terutamanya yang melibatkan mata pelajaran bersifat amali seperti KHB. Sungguhpun begitu pelaksanaan sistem PBS memberi cabaran besar kepada guru-guru KHB yang dilantik sebagai pentaksir kerana Pentaksiran Kerja Kursus dalam KHB adalah aspek penting dalam menentukan kejayaan pelajar memperoleh gred yang baik dalam PMR.

Pentaksiran Kerja Kursus KHB melibatkan penghasilan empat modul kerja kursus yang perlu dilaksanakan oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Sepanjang tempoh tiga tahun guru KHB sebagai pentaksir memikul tanggungjawab yang besar memastikan proses pentaksiran selesai sehingga pelaporan pemarkahan kepada LPM. Oleh itu, kajian ini cuba untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan tentang tahap kesediaan guru-guru KHB dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Kajian ini juga cuba mendapatkan jawapan kepada persoalan tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di kalangan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan, Pahang.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.
- ii. Mengenal pasti bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.
- iii. Melihat perbezaan pengetahuan, kemahiran dan sikap antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Kepentingan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tentang keperluan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Selain itu hasil kajian ini juga dapat memberi panduan kepada beberapa pihak yang terlibat dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB iaitu :

- i. Memberi penerangan yang jelas kepada guru tentang keperluan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif dalam pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Guru-guru KHB perlu sentiasa bersedia dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk melaksanakan sesuatu pembaharuan dalam sistem pendidikan secara langsung dan tidak langsung agar dapat membantu para guru mempertingkatkan nilai diri dan dapat melaksanakan proses pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB secara lebih berkesan.
- ii. Memberi panduan dan kesedaran kepada pihak sekolah tentang persediaan, masalah dan keperluan guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Adalah diharapkan pihak pentadbir

sekolah dapat memberi sokongan dan dorongan serta menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada guru-guru KHB agar dapat melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB secara efisien.

iii. Memberi maklumat kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) agar lebih peka terhadap peranan guru sebagai pentaksir di sekolah dan dapat bekerjasama dengan pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam memberi penghargaan kepada guru-guru dengan mengadakan tinjauan dan kursus tambahan untuk sesi maklumbalas terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

iv. Menjadi sumber rujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Lembaga Peperiksaan Malaysia agar sentiasa mengadakan kursus-kursus yang dapat memberi manfaat kepada guru-guru KHB dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB bersesuaian dengan hasrat dan matlamat perubahan sistem pendidikan.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di sebelas buah sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang guru yang mengajar KHB dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga dan terlibat secara langsung dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Kajian ini adalah berdasarkan kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB serta masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Alat kajian untuk menjalankan kajian ini adalah soal selidik yang diedarkan kepada responden mengikut lokasi sekolah. Kejituan kajian ini bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan guru-guru KHB dalam menjawab soalan soal selidik yang dikemukakan.

Metodologi

Persampelan

Persampelan dalam kajian ini menggunakan persampelan rawak kelompok terhadap organisasi. Mengikut Mohamad Najib (1999), persampelan rawak mengikut organisasi atau kelompok menggunakan sampel yang dipilih berdasarkan kumpulan populasi seperti pilihan rawak berdasarkan sesebuah sekolah. Persampelan kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri 83 orang guru-guru KHB yang mengajar di 15 buah sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan (sumber PPD Kuantan, 2007).

Bagi tujuan penyelidikan ini penyelidik membuat pemilihan sampel kajian berdasarkan pemilihan organisasi secara rawak mudah iaitu dengan memilih sebanyak 11 daripada 15 buah sekolah dan sampel kajian adalah terdiri daripada semua ahli organisasi berkenaan iaitu seramai 70 orang guru-guru KHB yang terlibat secara langsung sebagai pentaksir dalam Pentaksiran Kerja Kursus bagi mata pelajaran KHB dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik untuk guru-guru KHB yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan persoalan yang dikaji. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Soal selidik ini juga bertujuan untuk mengetahui bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Pemilihan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat adalah berdasarkan ketepatan data kerana responden lebih berani memberi tindakbalas terhadap aspek yang dikaji. Penggunaan soal selidik dapat menjimatkan masa, perbelanjaan dan tenaga serta mudah ditadbir, dianalisis dan mudah mendapat kerjasama dari responden. Menurut Oppenheim (1995) dalam Mohamad Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain keterangan latar belakang. Selain itu penggunaan soal selidik tidak memerlukan kemahiran responden untuk melahirkan idea-idea melalui tulisan dalam memberikan jawapan kepada persoalan.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi lapan soalan bagi mendapatkan maklumat tentang diri responden. Bahagian ini menggunakan skala nominal bagi memudahkan responden menjawab dengan menanda pada kotak jawapan pilihan.

Bahagian B terdiri daripada 42 item yang dibina berdasarkan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB bagi mewakili empat pembolehubah kajian. Sepuluh item mewakili pembolehubah tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Sepuluh item mewakili pembolehubah tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Sepuluh item mewakili pembolehubah tahap sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Dua belas item mewakili pembolehubah masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Soal selidik Bahagian B menggunakan Skala Lima Mata yang mengandungi lima aras iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Skala ini digunakan untuk mengukur persepsi responden terhadap kenyataan yang diberikan dalam soal selidik. Skala Lima Mata ini digunakan dalam penyelidikan ini kerana ianya mudah diurus dan digunakan, itemitemnya mudah dijawab oleh responden dan data yang dipungut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Responden dikehendaki menjawab dengan menandakan skor yang terdapat pada penghujung item-item yang dikemukakan dengan membulatkan nombor skor. Jika responden sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan skor 5. Jika responden sangat tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan skor 1. Responden dikehendaki menanda hanya satu skor sahaja pada setiap kenyataan yang diberikan bersesuaian dengan pilihannya.

Kajian Rintis

Sebelum set item soal selidik diedarkan kepada populasi terlebih dahulu satu kajian rintis dijalankan bagi menguji keesahan dan kebolehpercayaan item untuk mendapatkan kesesuaian penggunaan item. Kajian rintis telah dijalankan kepada 10 orang guru KHB yang terlibat dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Johor Jaya 1, Johor Bahru, Johor.

Analisis data kajian rintis menggunakan statistik Alpha Cronbach iaitu reliability coefficient atau pekali kebolehpercayaan untuk menguji kebolehpercayaan item. Jadual 3.3 menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach, jika nilai alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaan amat tinggi, baik dan berkesan. Jika nilai antara 0.6 hingga 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik.

Hasil analisis data yang diperolehi daripada kajian rintis menggunakan alpha cronbach adalah 0.89, ini menunjukkan item-item soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Keputusan

Bentuk Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru KHB Semasa Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Jadual 1 menunjukkan item-item yang telah dianalisis bagi persoalan kajian tentang bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Terdapat 12 item yang dikemukakan dalam persoalan kajian ini yang dikategorikan mengikut bentuk masalah iaitu pelajar, kemudahan, masa, guru dan pentadbir.

Jadual 1: Data analisis bentuk masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%	
31	Kebanyakan pelajar dapat menyiapkan kerja kursus mengikut masa yang diperuntukkan.	4	4	27	23	5	3.33
		6.3	6.3	42.9	36.5	7.9	0.95
32	Pelajar melakukan sendiri setiap langkah kerja amali yang dinilai.	1	5	10	40	7	3.75
		1.6	7.9	15.9	63.5	11.1	0.82
41	Pelajar menunjukkan minat dalam menjalankan kerja amali.	1	1	16	37	8	3.79
		1.6	1.6	25.4	58.7	12.7	0.74
Purata min masalah pelajar							3.62
							0.70
33	Pelajar dapat melakukan kerja amali dengan selesa di dalam bengkel.	3	4	14	35	7	3.62
		4.8	6.3	22.2	55.6	11.1	0.94
38	Alatan dan bahan untuk menjalankan kerja amali sentiasa mencukupi.	5	11	15	26	6	3.27
		7.9	17.5	23.8	41.3	9.5	1.11
Purata min masalah kemudahan							3.44
							0.88
34	Saya mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelia setiap langkah kerja yang dilakukan oleh pelajar dalam menyiapkan kerja kursus.	8	19	22	10	4	2.73
		12.7	30.2	34.9	15.9	6.3	1.08
35	Saya mempunyai masa untuk membimbing semula pelajar yang lemah dalam melakukan sesuatu bahagian dalam kerja kursus.	9	18	15	18	3	2.81
		14.3	28.6	23.8	28.6	4.8	1.15
36	Saya sentiasa meluangkan masa bagi pelajar yang menghadapi masalah kehadiran dalam menyiapkan kerja kursus	1	16	22	21	3	3.14
		1.6	25.4	34.9	33.3	4.8	0.91
Purata min masalah masa							2.89
							0.76

37	Proses mengendalikan kerja kursus PMR tidak mengganggu tugas-tugas saya yang lain.	11	17	18	16	1	2.67
		17.5	27.0	28.6	25.4	1.6	1.09
39	Saya dapat menghabiskan sukatan pelajaran walaupun melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.	9	11	17	20	6	3.05
		14.3	17.5	27.0	31.7	9.5	1.21
Purata min masalah guru							2.86
							0.89
40	Saya dipantau oleh pentadbir sekolah dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.	1	5	14	36	7	3.68
		1.6	7.9	22.2	57.1	11.1	0.84
42	Pihak pentadbir menyediakan ruang yang mencukupi untuk menyimpan dokumen dan projek kerja kursus pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.	5	9	18	24	7	3.30
		7.9	14.3	28.6	38.1	11.1	1.10
Purata min masalah pentadbir							3.49
							0.81

Masalah pelajar menunjukkan nilai purata min adalah 3.62 (sisihan piawai 0.70) iaitu pada tahap kurang bermasalah. Item yang terdapat dalam bentuk masalah pelajar ialah item 31 iaitu kebanyakan pelajar dapat menyiapkan kerja kursus mengikut masa yang diperuntukkan dengan nilai min 3.33 (sisihan piawai 0.95), item 32 iaitu pelajar melakukan sendiri setiap langkah kerja amali yang dinilai dengan nilai min 3.75 (sisihan piawai 0.82) dan item 41 iaitu pelajar menunjukkan minat dalam menjalankan kerja amali dengan nilai min 3.79 (sisihan piawai 0.74).

Masalah kemudahan terdiri daripada item 33 iaitu pelajar dapat melakukan kerja amali dengan selesa di dalam bengkel dengan nilai min 3.62 (sisihan piawai 0.94) dan item 38 iaitu alatan dan bahan untuk menjalankan kerja amali sentiasa mencukupi dengan nilai min 3.27 (sisihan piawai 1.11). Nilai purata min bagi masalah kemudahan adalah 3.44 (sisihan piawai 0.88) iaitu pada tahap kurang bermasalah.

Masalah masa terdiri daripada item 34 iaitu mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelia setiap langkah kerja yang dilakukan oleh pelajar dalam menyiapkan kerja kursus dengan nilai min 2.73 (sisihan piawai 1.08), item 35 iaitu mempunyai masa untuk membimbing semula pelajar yang lemah dalam melakukan sesuatu bahagian dalam kerja kursus dengan nilai min 2.81 (sisihan piawai 1.15) dan item 36 iaitu sentiasa meluangkan masa bagi pelajar yang menghadapi masalah kehadiran dalam menyiapkan kerja kursus dengan nilai min 3.14 (sisihan piawai 0.91). Nilai purata min bagi masalah masa adalah 2.89 (sisihan piawai 0.76) iaitu pada tahap bermasalah.

Masalah guru yang terdiri daripada item 37 iaitu proses mengendalikan kerja kursus PMR tidak mengganggu tugas-tugas yang lain dengan nilai min 2.67 (sisihan piawai 1.09) dan item 39 iaitu dapat menghabiskan sukatan pelajaran walaupun melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus dengan nilai min 3.05 (sisihan piawai 1.21). Nilai purata min bagi masalah guru adalah 2.86 (sisihan piawai 0.89) iaitu pada tahap bermasalah.

Masalah pentadbir yang terdiri daripada item 40 iaitu pentadbir sekolah memantau pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dengan nilai min 3.68 (sisihan piawai 0.84) dan item 42 iaitu pihak pentadbir menyediakan ruang yang mencukupi untuk menyimpan dokumen dan projek kerja kursus pelajar dengan nilai min 3.30 (sisihan piawai 1.10). Nilai purata min bagi masalah pentadbir adalah 3.49 (sisihan piawai 0.81) iaitu pada tahap kurang bermasalah.

Perbincangan

Tahap Pengetahuan Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Dalam melaksanakan sesuatu penilaian guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang kukuh dalam aspek penilaian yang hendak dibuat supaya dapat menjalankan pengukuran secara berkesan bagi menentukan peringkat pencapaian pelajar. Kepentingan memiliki pengetahuan dapat dibuktikan melalui hasil dapatan kajian ini yang jelas menunjukkan guru-guru KHB mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana tinggi dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Pengetahuan guru-guru KHB yang mendalam tentang mata pelajaran dan aspek Pentaksiran Kerja Kursus KHB membolehkan mereka menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang baik serta mampu membuat penilaian yang berkesan. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan dapatan Nor Aini Gimam (2005) yang mengkaji tahap pengetahuan guru-guru wanita KHB di daerah Muar dalam melaksanakan Penilaian Kerja Kursus pelajar Tingkatan Tiga. Tahap pengetahuan guru yang sederhana tinggi dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB wajar dipertingkatkan selaras dengan pendapat Sharifah Alwiah (1986) bahawa aspek pengetahuan amat penting dalam pendidikan, dengan penguasaan ilmu pengetahuan yang baik guru akan dapat melaksanakan sesi pengajaran dan penilaian dengan berkesan serta dapat meningkatkan keyakinan diri mereka. Keupayaan guru melengkapkan diri dengan ilmu dan pengetahuan yang tinggi adalah satu usaha ke arah menangani perubahan dan cabaran dengan cekap dan berkesan.

Peningkatan pengetahuan perlu seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan terutamanya dalam aspek pentaksiran dan penilaian. Dalam kajian ini tahap pengetahuan guru-guru KHB adalah tinggi terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB setelah mendapat pendedahan tentang pelaksanaannya. Majoriti (69.8 peratus) guru-guru KHB ini mendapat pendedahan tentang Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus melalui kursus yang dianjurkan oleh LPM dan JPN. Melalui kursus yang dihadiri, guru-guru KHB dapat memahami dengan jelas ke semua kriteria pemarkahan dalam Pentaksiran Kerja Kursus KHB dan membantu mereka memahami Dokumen Pentaksiran dengan lebih jelas. Dapatan ini selari dengan kajian Jalilah (2002) yang mendapati bahawa guru yang menjalani kursus mengenai Penilaian Kerja Kursus KHB sebelum menilai kerja kursus pelajar mempunyai kefahaman yang jelas tentang kriteria yang digunakan dalam penilaian projek kerja kursus pelajar di peringkat PMR. Ini bertepatan dengan pendapat Sufean (2004) bahawa pertambahan pengetahuan berlaku melalui pendedahan dan guru harus bersedia menambah pengetahuan dengan menghadiri kursus, bengkel, seminar, persidangan dan forum yang melibatkan pendidikan. Pendapat ini turut disokong oleh Shahril (1999), bahawa guru perlu menguasai banyak maklumat dan pengetahuan kerana dengan adanya pengetahuan yang luas akan memudahkan seseorang guru itu dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.

Tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam aspek mengukur, menanda dan memotong mengikut lakaran reka bentuk serta dalam penggunaan dan penyelenggaraan alatan adalah pada tahap tinggi. Ini disebabkan oleh majoriti (65.1 peratus) guru-guru KHB yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran KHB lebih daripada 5 tahun. Tahap pengetahuan mereka semakin bertambah mengikut tempoh pengalaman mengajar, keadaan ini membolehkan mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta Pentaksiran Kerja Kursus KHB secara berkesan. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Jalilah (2002) yang menyatakan bahawa kefahaman guru yang tinggi dalam aspek kriteria penilaian adalah berkait rapat dengan pengalaman mengajar guru-guru dalam bidang KHB.

Ini selari dengan pendapat Abd Rahim (2003) bahawa guru-guru yang berpengalaman, cekap dan pakar dalam sesuatu bidang mata pelajaran perlu mempunyai pengetahuan yang kukuh dan luas tentang kurikulum bagi membolehkan seseorang guru melaksanakan tugasnya dengan berkesan.

Kesedaran guru-guru KHB akan peranan mereka bukan sahaja sebagai penyampai ilmu semata-mata malahan memahami bahawa guru itu juga berperanan sebagai pemudah cara dalam pembelajaran dan bertindak sebagai hakim dalam penilaian telah mendorong mereka untuk menambah pengetahuan dengan mengikuti pelbagai kursus jangka pendek dan jangka panjang yang berkaitan dengan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Hasilnya 60.4 peratus dari kalangan guru-guru KHB mengakui bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang cukup untuk melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Melalui kursus yang diikuti, bukan sahaja membuka peluang kepada guru untuk meningkatkan penguasaan ilmu dan pengetahuan malahan merupakan laluan meningkatkan kerjaya dalam bidang perguruan. Ini bertepatan dengan pendapat Robiah (1998) bahawa guru harus menekankan aspek penguasaan ilmu dan kemahiran yang kemas kini dalam segala bidang yang berkaitan untuk perubahan masa depan.

Selain itu, pengetahuan guru-guru KHB dalam aspek reka bentuk dan reka cipta juga perlu dipertingkatkan memandangkan ianya merupakan topik baru dalam mata pelajaran KHB selepas digubal semula pada tahun 2003. Situasi ini memerlukan guru-guru KHB berdepan dengan cabaran baru dan perlu bersedia untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang baru seiring dengan perubahan dalam kurikulum mata pelajaran KHB yang turut diambil kira dalam Pentaksiran Kerja kursus KHB. Kesediaan guru-guru KHB meningkatkan pengetahuan dalam aspek reka bentuk dan reka cipta adalah satu usaha ke arah meningkatkan kredibiliti Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Ini bertepatan dengan pendapat Wan Mohd Zahid (1994), iaitu guru perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan ke suatu tahap yang selari dengan segala jenis perkembangan kemajuan dan inovasi.

Namun begitu, peningkatan tahap pengetahuan guru-guru KHB ini masih terganggu akibat daripada kekangan yang berpunca daripada kelewatan atau kurang mendapat maklumat tambahan tentang Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Maklumat tambahan tentang perubahan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dikeluarkan oleh LPM dan disebarkan oleh JPN dan PPD ke sekolah-sekolah melalui fax atau pos. Oleh kerana kedudukan sekolah menengah luar bandar daerah Kuantan dalam lingkungan 25 kilometer dari bandar, maka wujud masalah kelewatan menerima maklumat tambahan. Situasi ini boleh mengganggu kelancaran proses Pentaksiran Kerja Kursus KHB di sekolah yang terbabit.

Sungguhpun dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru KHB berada pada tahap sederhana tinggi, namun masih terdapat ketidakseimbangan tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam bidang-bidang baru yang diperkenalkan, ini disebabkan oleh majoriti (52.4 peratus) daripada mereka adalah dari bidang pengkhususan bukan KHB. Keadaan ini perlu diseimbangkan agar pengetahuan guru-guru KHB ini tidak hanya tertumpu kepada bidang-bidang tertentu sahaja demi untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di peringkat PMR. Ini selari dengan pendapat Atan Long (1982), bahawa guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang diajar kerana kekurangan pengetahuan akan mendatangkan rasa tidak percaya kepada dirinya dan menghilangkan kepercayaan pelajar kepada guru.

Tahap Kemahiran Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Guru-guru yang mengajar mata pelajaran KHB perlu mempunyai kemahiran dalam bidang berkaitan reka bentuk, reka cipta, elektrik, elektronik, kerja paip, lukisan teknik, jahitan, masakan, pertanian dan keusahawanan. Kemahiran yang dimiliki adalah hasil daripada program latihan perguruan yang diikuti semasa di Institut Perguruan atau di Universiti serta berdasarkan tempoh pengalaman mengajar mata pelajaran KHB di sekolah. Melalui kemahiran inilah guru-guru KHB berkemampuan melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB selaras dengan kehendak LPM. Perkara ini terbukti nyata dengan

keputusan kajian yang mendapati bahawa guru-guru KHB mempunyai tahap kemahiran yang sederhana tinggi dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Menurut Sharifah Alwiah (1986), guru perlu mempunyai kemahiran yang berkaitan dengan bidang pengajaran dan penilaian bagi membolehkannya mengesan kebolehan pelajar pada tahap yang dikehendaki. Kemahiran dalam aspek pengajaran dan penilaian ini membolehkan guru mengembangkan kemahiran pelajar secara lebih baik dan berkesan.

Bertepatan dengan kemahiran yang dimiliki, guru-guru KHB mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menilai pendokumentasian pelajar mengikut criteria yang ditetapkan dalam Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Begitu juga dalam aspek menilai penggunaan alatan oleh pelajar, guru-guru KHB yang mahir dalam bidang ini dapat menggunakan kemahiran mereka dengan membuat penilaian terhadap pelajar secara lebih jelas dan terperinci. Dapatan ini disokong oleh kajian Nor Aini (2005) yang mendapati bahawa guru-guru KHB mempunyai kemahiran dalam penggunaan peralatan tangan dan mesin di bengkel KH. Selain itu, guru-guru KHB perlu mempunyai kemahiran dalam menilai aspek penghasilan projek rekabentuk serta berkebolehan membantu pelajar dalam mengenal pasti masalah untuk menghasilkan projek reka cipta. Ini sejajar dengan pendapat Robiah (1998), bahawa guru-guru yang mahir dalam membuat pemerhatian yang sistematik, terperinci dan jelas mampu mengendalikan proses penilaian secara telus dan jujur.

Dalam aspek pengajaran pula, guru-guru KHB yang mempunyai kemahiran dapat menjalankan aktiviti tunjuk cara dengan baik serta dapat menerangkan criteria Pentaksiran Kerja Kursus kepada pelajar secara jelas. Situasi ini penting untuk meningkatkan kefahaman pelajar di samping membolehkan pelajar melaksanakan kerja kursus secara sistematik dan memenuhi kriteria Pentaksiran Kerja Kursus KHB yang ditetapkan oleh LPM. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Wan Mohd Khairul (2001) yang menyatakan bahawa guru-guru KHB yang menggunakan kaedah mengajar secara demonstrasi atau tunjuk cara dapat memberi kesan pemahaman yang lebih mendalam kepada pelajar. Ini sejajar dengan pendapat Sharifah Alwiah (1986), bahawa guru perlu mahir dalam pengajaran bercorak demonstrasi bagi membolehkan pelajar mempelajari sesuatu kemahiran dan guru boleh menjelaskan secara menyeluruh kehendak dan kriteria pemarkahan dalam sesuatu penilaian atau ujian.

Pembelajaran KHB yang bercorak amali memerlukan bengkel yang lengkap dengan kemudahan prasarana dan peralatan. Dalam hal ini guru-guru KHB perlu berkemahiran dalam aspek pengurusan bengkel. Hasil kajian menunjukkan kemahiran guru-guru KHB dalam pengurusan bengkel pada tahap sederhana tinggi. Kemahiran ini membolehkan guru-guru KHB melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara lebih berkesan di samping dapat menarik minat pelajar untuk terlibat dalam kerja amali terutamanya kerja kursus yang membabitkan pentaksiran. Berdasarkan pengalaman mengajar KHB melebihi tiga tahun (84.1 peratus), guru-guru KHB sememangnya sinonim dengan pengurusan bengkel, oleh kerana hal ini menjadi rutin harian maka kemahiran mereka dalam pengurusan bengkel semakin bertambah baik. Kemahiran ini dapat memberi kesan kepada mereka mengendalikan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dengan lebih sempurna dan sistematik.

Meskipun tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB adalah di tahap sederhana tinggi, namun terdapat ketidakseimbangan dari aspek menguasai kemahiran berkaitan dengan lukisan skematik dan lukisan teknik. Begitu juga secara keseluruhannya majoriti (66.6 peratus) guru-guru KHB mengakui bahawa mereka tidak mahir dalam semua bidang KHB yang terdiri daripada pelbagai bidang termasuklah reka bentuk, pemakanan, elektrik, elektronik, jahitan, perdagangan, pertanian dan automotif. Situasi ini wujud kerana majoriti guru-guru KHB ini (52.4 peratus) daripada bidang pengkhususan bukan KHB dan sebilangan kecil (15.9 peratus) memiliki pengalaman mengajar kurang daripada 2 tahun.

Sungguhpun begitu, guru-guru KHB sangat komited menjalankan tugas sebagai pentaksir kerana menyedari mereka adalah pemegang amanah ditambah pula majoriti (69.8 peratus) telah diberi

pendedahan tentang pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB melalui kursus yang dianjurkan oleh LPM dan JPN sebelum memikul tanggungjawab ini. Situasi ini wujud kerana guru-guru KHB adalah golongan guru-guru yang berpegang teguh pada prinsip etika perguruan iaitu berusaha dengan sepenuhnya menunaikan tanggungjawab dengan rajin dan bersungguh-sungguh serta mengekalkannya sejajar dengan kemajuan iktisas dan sosial.

Sikap Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Hasil dapatan kajian menunjukkan guru-guru KHB mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Sikap yang positif ini menjadi amalan guru-guru KHB sejajar dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Dapatan ini selari dengan kajian Wan Mohd Khairul (2001) yang menunjukkan bahawa guru-guru KHB mengamalkan sikap yang positif terhadap mata pelajaran KHB. Menurut Sufean (2004), sikap positif dan dedikasi guru dalam melaksanakan kurikulum dapat menjamin suasana pembelajaran yang lebih menarik dan berfokus.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan Pentaksiran Kerja Kursus KHB, guruguru KHB sering berbincang dan bertukar-tukar pendapat sesama mereka. Sikap ini menunjukkan mereka saling bekerjasama dan berkongsi pengalaman untuk melancarkan lagi proses Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Situasi ini memberi keyakinan kepada guru-guru KHB untuk melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dengan baik. Di samping itu mereka juga sanggup membimbing pelajar dan berusaha memastikan pelajar dapat menyiapkan kerja kursus KHB pada masa yang ditetapkan. Usaha ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pelajar prihatin terhadap tugas dan tanggungjawab mereka pada pelajaran. Dapatan ini disokong oleh pendapat Robiah (1998) yang menyatakan bahawa guru perlu sentiasa membimbing, bekerjasama, sabar dan bertolak ansur dengan pelajar.

Guru-guru KHB juga sangat komited terhadap tugasnya terutama dari sudut pemberian markah, majoriti (60.3 peratus) cuba sedaya upaya memberikan markah kepada pelajar semasa pelajar sedang membuat proses kerja kursus. Tugas ini memerlukan guru memberi penumpuan terhadap proses kerja pelajar dan sanggup bersusah payah membawa borang markah individu bagi melaporkan gred dan markah yang diperolehi oleh pelajar. Sikap positif yang ditunjukkan oleh guru-guru KHB ini mencerminkan keperibadian yang mulia dan amat bertepatan dengan pendapat Sharifah Alwiah (1986) bahawa guru harus memberikan pelajar model untuk sikap yang positif supaya dapat dicontohi dan menjadi rujukan oleh mereka.

Selain sikap yang positif, guru-guru KHB ini turut menunjukkan sikap yang negatif terhadap tugas pentaksiran kerja kursus KHB. Majoriti (52.4 peratus) guruguru KHB menganggap tugas melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB adalah membebankan, malahan terdapat sebilangan daripada mereka (39.4 peratus) tidak sanggup menggunakan waktu terluang untuk menyelesaikan proses menilai kerja kursus KHB. Sikap negatif ini boleh mengganggu proses pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB, ini bertepatan dengan pendapat Atan Long (1982) bahawa sikap guru yang negatif yang mengganggu halangan yang dihadapi sebagai halangan yang tiada jalan penyelesaian kurang sesuai diamalkan, guru sepatutnya bersikap positif dan bijaksana mencari jalan penyelesaian.

Meskipun begitu, demi melaksanakan tugas yang diamanahkan, guru-guru KHB sentiasa bersedia melaksanakan tugas mereka dengan berdedikasi dan produktif. Situasi ini ditunjukkan oleh majoriti (69.8 peratus) guru-guru KHB ini berasa seronok sewaktu melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dan berminat untuk menghadiri kursus yang berkaitan dengan kurikulum KHB dan Pentaksiran Kerja Kursus KHB demi untuk menambah pengetahuan dan kemahiran. Keinginan guru-guru ini untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kursus adalah sesuatu yang terpuji dan wajar bagi seorang guru untuk sentiasa mengikuti perkembangan dalam dunia pendidikan lebih-lebih lagi dalam aspek Pentaksiran Kerja Kursus KHB yang terangkum dalam PBS. Ia sejajar dengan prinsip dan Falsafah Pendidikan

Kebangsaan yang menekankan kepentingan guru sebagai golongan yang mempunyai sikap yang positif untuk membantu proses pembangunan sumber tenaga manusia dan masyarakat (Sufean, 2004).

Bentuk Masalah yang Dihadapi oleh Guru-guru KHB Semasa Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB

Dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB, guru-guru KHB terpaksa berhadapan dengan beberapa masalah yang secara tidak langsung boleh mengganggu kelancaran proses Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Bentuk masalah kerap dihadapi oleh guru-guru KHB adalah masalah yang berkaitan dengan guru dan masalah yang berkaitan dengan masa. Manakala masalah yang kurang mengganggu kelancaran proses Pentaksiran Kerja Kursus KHB ialah masalah yang berkaitan dengan pelajar, masalah kemudahan dan masalah yang berkaitan dengan pentadbir.

Semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB, guru-guru KHB terpaksa berhadapan dengan masalah tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran. Ini kerana mereka terpaksa memperuntukan masa yang lebih kepada tajuk-tajuk yang perlu dibuat pentaksiran untuk kerja kursus. Bagi memastikan semua pelajar dapat melaksanakan proses kerja kursus dengan sempurna, guru-guru KHB terpaksa membuat penyesuaian masa yang sesuai dengan tahap pencapaian pelajar agar tidak terdapat pelajar yang ketinggalan atau tidak dapat menyiapkan projek kerja kursus. Tambahan pula Pentaksiran Kerja Kursus KHB mesti dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ini selari dengan pendapat Robiah (1998) yang menyatakan bahawa guru perlu memberi banyak masa kepada pelajar untuk membolehkan mereka menyiapkan tugas dengan sempurna dan dapat menguasai kemahiran mengikut tahap kebolehan mereka.

Sepanjang tempoh mengendalikan Pentaksiran Kerja Kursus KHB, guru-guru KHB perlu memberi tumpuan yang sepenuhnya agar tidak berlaku kecacatan markah atau pelajar ketinggalan dalam menyiapkan projek kerja kursus. Kesan daripada ini menyebabkan majoriti (73.1 peratus) guru-guru KHB menyatakan bahawa proses mengendalikan kerja kursus PMR mengganggu mereka dalam melaksanakan tugastugas lain seperti pengurusan stok, keceriaan, pentadbiran dan sebagainya.

Selain itu, majoriti (77.8 peratus) guru-guru KHB tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelia setiap langkah kerja yang dilakukan oleh pelajar, ini bermakna guru terpaksa memberikan markah kepada pelajar setelah proses kerja selesai. Kekurangan masa turut menyebabkan guru tidak dapat membimbing semula pelajar yang lemah. Dapatan ini selari dengan dapatan Jalilah (2002) yang mendapati bahawa guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengajar semula pelajar yang lemah dalam melakukan semula sesuatu kriteria yang dinilai.

Sungguhpun berhadapan dengan masalah masa yang tidak mencukupi, guru-guru KHB ini masih berkesempatan meluangkan masa kepada pelajar yang menghadapi masalah kehadiran dalam menyiapkan kerja kursus memandangkan semua pelajar wajib menyiapkan projek kerja kursus dan markahnya perlu dikumpul dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga untuk PMR dan sekiranya pelajar terbabit berpindah sekolah, markah tersebut perlu dibawa ke sekolah baru untuk kesinambungan Pentaksiran Kerja Kursus KHB di sekolah baru.

Dari segi kemudahan bengkel, peralatan dan bahan, dapatan kajian menunjukkan ianya berada dalam keadaan yang selesa dan mencukupi. Pihak pentadbir sekolah juga bersikap prihatin terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dengan menyediakan ruang yang mencukupi untuk menyimpan dokumen dan projek kerja kursus pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga dan mengadakan pemantauan terhadap perjalanan Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Dari sudut pelajar pula mereka menunjukkan minat terhadap kerja amali yang dilaksanakan untuk dinilai malahan melakukan sendiri kerja tersebut dan dapat menyiapkan kerja kursus mengikut masa yang ditetapkan.

Rumusan

Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB adalah satu usaha ke arah meningkatkan minat dan kebolehan pelajar menguasai kemahiran asas yang berkaitan dengan kehidupan. Kemampuan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB secara berkesan bermula daripada peringkat sekolah yang melibatkan guru KHB. Berdasarkan kajian ini jelas didapati bahawa pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB mampu dikendalikan oleh guru-guru KHB berpandukan kepada tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap yang dimiliki oleh mereka. Keberkesanan pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB boleh dipertingkatkan lagi dengan peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru-guru KHB sebagai pentaksir di samping sokongan semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB dari peringkat sekolah hingga ke peringkat LPM.

Dalam usaha memartabatkan penilaian dalam sistem pendidikan di Malaysia, ketelusan dalam pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus KHB memerlukan gandingan kerjasama yang jitu daripada LPM, JPN, PPD, pentadbir sekolah dan guru-guru KHB. Diharapkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik mampu memberi panduan kepada pihak yang terlibat bagi meletakkan PBS sebagai pengganti kepada sistem penilaian masa kini.

Rujukan

- Abd. Rahim Abdul Rashid (2003). Falsafah Budaya Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Abd. Rahim Abdul Rashid (2005). Profesionalisme Keguruan : Prospek dan Cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Atan Long (1982). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Chan Kwang Chow (2002). Kemahiran Mengajar Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di Kalangan Guru-guru Wanita Di Sekolah-sekolah Menengah Melaka Tengah, Melaka. Skudai: UTM. Tesis Sarjana Muda
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education Malaysia
- Hishamuddin Md. Som (2005). Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows. Skudai: UTM
- Jalilah Saad (2002). Kefahaman Guru Terhadap Kriteria Penilaian Projek Kerja Kursus Kemahiran Hidup di Peringkat Penilaian Menengah Rendah. Skudai: UTM. Tesis Sarjana Muda
- Kamus Dewan (1994). Kamus Dewan (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka